

# PH buat 'bedah siasat' terperinci, jujur: Tun M

Semua peringkat parti cari punca sebenar kekalahan di Tanjung Piai

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Pakatan Harapan (PH) akan membuat 'bedah siasat' terperinci, serius dan jujur di semua peringkat parti bagi mengenal pasti punca sebenar kekalahan pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Piai, Sabtu lalu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi PH turut memaklumkan, beliau menerima keputusan pengundi Tanjung Piai, malah su-

dah menjangkakan bahawa majoriti undi pada PRK berkenaan akan beralih kepada lawan.

"Jangkaan saya majoriti kekalahan ini tidak lebih daripada 2,000 undi, namun keputusan rasmi, majoriti kekalahan ialah sebanyak 15,086 undi," katanya da-



Jangkaan saya majoriti kekalahan ini tidak lebih 2,000 undi, namun keputusan rasmi, majoriti kekalahan ialah sebanyak 15,086 undi.

Dr Mahathir Mohamad,  
Pengerusi PH

lam satu kenyataan, semalam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada mereka yang bekerja keras sepanjang pilihan raya kecil itu.

PRK Parlimen Tanjung Piai

menyaksikan calon Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Wee Jock Seng kembali mendapat mandat apabila menang dengan majoriti, 15,086 undi. Jock Seng memperoleh 25,466 undi bagi mengatasi lima pencabarnya.

Pesaing terdekat, calon PH, Karmaine Sardini mendapat 10,380 undi; calon GERAKAN, Wendy Subramaniam dengan 1,707 undi, manakala calon BERJASA, Datuk Dr Badrulhisham Abdul Aziz memperoleh 850 undi.

Dua lagi adalah calon Bebas, Dr Ang Chuan Lock yang hanya mendapat 380 undi dan Faridah Ariyani Abdul Ghaffar sekadar 32 undi.

Jock Seng pernah menjadi Ahli Parlimen Tanjung Piai bermula 2008 sebelum tewas kepada Alahyarham Datuk Dr Md Farid Md Rafik pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 2018 dengan 524 undi.

BH - 19/11/2019

m/s: 4